

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP 'DIPLOMA EXHIBITION ON TECHNOLOGY**  
**AND ENGINEERING' (DEXTEr 2018)**  
**22 OKTOBER 2018**  
**DI DEWAN KECEMERLANGAN, KAMPUS UniMAP PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI**

Yang Berusaha En. Mohd. Farid Sulaiman, Pengarah Kejuruteraan Strategik Program Intel merangkap Ahli Lembaga Pengerusi UniMAP

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Utama Universiti;

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Hakimah Osman, Dekan Pusat Pengajian Diploma UniMAP merangkap Penasihat **DEXTER 2018**

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan;

Seterusnya staf Pusat Pengajian Diploma dan pelajar-pelajar yang saya kasihi sekalian.

## ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama menadah tangan mengucapkan syukur ke hadrat Allah Azza Wajalla kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul di Dewan Kecemerlangan, UniMAP Kampus Pauh Putra di hari yang berbahagia ini sempena Majlis Perasmian Penutup 'Diploma Exhibition On Technology And Engineering' (Dexter 2018).
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Pusat Pengajian Diploma (PPD) kerana telah berjaya menganjurkan majlis yang julung ini dengan pengisian ilmu yang bermanfaat untuk kelestarian kerjaya masing-masing.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### DEXTER 2018

3. Saya difahamkan bahawa, DEXTER 2018 adalah untuk pelajar tahun akhir mempersembahkan projek tahun akhir (FYP) masing-masing secara lisan di hadapan pemeriksa-pemeriksa dari dalam dan luar PPD dan UniMAP.
4. Secara peribadi saya dapat melihat program yang julung kali diadakan ini akan dapat memberikan pengalaman kepada pelajar untuk merasai pengalaman membentangkan dan menyampaikan maklumat ketika menyertai pameran penyelidikan. Di samping itu mereka akan dapat mengasah minda untuk lebih menjadi kreatif dan inovatif.
5. Walaupun pertama kali kali diadakan, saya dimaklumkan sambutan yang diterima amat menggalakkan kerana ia melibatkan sebanyak empat ratus tiga puluh tiga pelajar (433) pelajar diploma tahun akhir.
6. Saya berharap program in iakan diteruskan supaya minta pelajar terhadap bidang penyelidikan akan dapat dipupuk sejak dari awal lagi.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

### **TINGKAT MINAT STEM**

7. Ini merupakan masa yang sesuai untuk menunjukkan bakat-bakat terpendam yang mungkin tidak pernah anda ketengahkan selama ini.
8. Jadikan pertandingan seperti ini sebagai pemangkin untuk terus memajukan diri dalam bidang penyelidikan seterusnya dapat membantu membangunkan negara.
9. Adalah penting kepada kita sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi untuk menyemarakkan budaya sains dan teknologi bukan saja bagi pelajar UniMAP malahan kepada murid-murid sekolah menengah dan seterusnya menyokong agenda Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **PENUTUP**

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya amat mengharapkan bahawa program DEXTER 2018 ini menjadi salah satu platform promosi pelajar-pelajar UniMAP kepada industri luar bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar kita.
11. Saya rasa, cukup sahaja sampai di sini. Semoga program ini dapat memberikan manfaat kepada Pelajar, Kakitangan PPD khususnya dan UniMAP Amnya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Penutup ‘Diploma Exhibition On Technology And Engineering’ (Dexter 2018).

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Taala Wabarakatuh.